

# Brunei minat beli pesawat buatan Malaysia

BH 1 MAR 2002

Oleh Mohd Azis Ngah

KUALA LUMPUR, Khamis – Kementerian Pertahanan sedia membantu kerajaan Brunei yang berminat membeli pesawat peninjau tanpa juruterbang buatan Malaysia, Eagle ARV bagi tujuan latihan.

Brunei juga dikatakan mengkaji untuk membeli bot penggempur CB 90 buatan Sweden yang kini digunakan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia.

Walaupun perkara itu masih pada peringkat perbincangan, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata kerajaan Brunei sudah menyatakan minat dan keyakinan terhadap pesawat buatan Malaysia itu.

Katanya, sebagai permulaan, mereka akan diberi taklimat penuh mengenai kegunaan dan kepentingan pesawat itu dan jika perlu Kementerian Pertahanan sedia menghantar pegawainya ke Brunei bagi tujuan itu.

“Hasil kerjasama erat kedua-dua negara dan pertemuan dengan Setia-

usaha Tetap Kementerian Pertahanan Brunei (Kewangan dan Pembangunan), Datuk Paduka Abdul Rahman Abdul Kani, hari ini, mereka yakin dengan pesawat itu dan kemungkinan akan memperolehi selepas mendapat maklumat lengkap serta penerangan terperinci.

“Jika perlu, mungkin kita akan menghantar beberapa pegawai tentera untuk ke sana bagi membantu mereka menjalankan kajian mengenai pesawat itu,” katanya selepas menerima kunjungan hormat Abdul Rahman di Kementerian Pertahanan, hari ini.

Pesawat Eagle ARV itu dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Pameran Antarabangsa Langkawi (MIEC) sempena Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa

Langkawi (Lima '01) tahun lalu dan digunakan oleh Kementerian Pertahanan, tahun ini.

Pesawat yang dibangunkan Composites Technology Research Malaysia Sdn Bhd (CTRM) dan rakan niaganya, BAE Systems dan Excelnet Sdn Bhd itu melakukan penerbangan pertama dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi sebagai pertunjukan sempena pelancaran itu.

Menggunakan bahan komposit, Eagle ARV mampu terbang setinggi 16,000 kaki selain berada di udara selama 10 jam. Projek itu dikatakan menelan belanja membabitkan kos RM47 juta dan dimeterai antara CTRM dan Kementerian Pertahanan pada 8 Jun 2000. Penghantaran pertama Eagle ARV kepada kerajaan Malaysia dibuat awal tahun ini.

Sistem Eagle ARV terdiri daripada tiga komponen iaitu tiga kapal terbang Eagle 150, iaitu kapal terbang pertama yang dikeluarkan di negara ini; stesen kawalan darat dan stesen penerima kawalan jauh. Ia boleh beroperasi sama ada dengan juruterbang atau tanpa juruterbang serta mempunyai keupayaan operasi malam dan siang.

Najib berkata, hasil pertemuan itu juga, kedua-dua pihak bersetuju mengenai penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) bagi tujuan latihan.

Selain itu, katanya, Brunei juga akan mengkaji keberkesanan penggunaan bot penggempur CB 90 untuk digunakan oleh tentera mereka.

“Setakat ini mereka sudah meminjam tiga bot jenis itu bagi tujuan latihan dan penyelidikan. Sekiranya mereka berminat mungkin mereka akan mendapatkannya, tetapi semuanya bergantung kepada perkembangan bersama,” katanya.